



# UiTM@Media 2016

# Karya Inovasi

UiTM@Media  
2016

# SEMBELIT DARAH RAWAT DIABETES

Ekstrak pokok itu berupaya memproses glukos dalam tubuh ke tahap normal

Aniza Zainudin  
anizazainudin@  
hmetro.com.my

**Khabar** gembira buat penghidap diabetes mellitus jenis 2 (T2D) apabila kumpulan ekspedisi saintifik di Hutan Royal Belum berjaya menemui flora hutan menunjukkan hasil positif terhadap ujian anti diabetik.

Berdaun seperti paku pakis dan hidup melata pada tumbuhan lain,

pokok Sembelit Darah atau nama saintifiknya, Rourea mimosoides dari keluarga Connaraceae menjadi rahsia temurun Orang Asli dalam mengubati penyakit kencing manis.

Kumpulan saintis dari Institut Penyelidikan Produk Semula Jadi Atta-ur-Rahman (AuRins), Universiti Teknologi Mara (UiTM) diketuai Prof Dr Mohd Ilham Adenan yang menyertai ekspedisi saintifik pada September 2015 berjaya menemukan alternatif ubatan organik berkenaan.

Rahsia terbesar pokok Sembelit Darah terletak pada daunnya yang memiliki bahan aktif utama, 1,2-Benzenedicarboxylic acid, diisoctyl ester, sebagai bahan anti diabetik.

Fokus pada kajian bioprospek anti diabetik terhadap pokok hutan, Mohd Ilham berkata, hasil penyelidikan 122 sampel tumbuhan dari Hutan Royal Belum, dua

jenis pokok dikenal pasti mempunyai nilai anti diabetik.


“Menerusi ekspedisi ini, kita mengumpul seberapa banyak sampel tumbuhan dan melakukan ujian makmal bagi mengenal pasti aktiviti biologinya.

“Keputusan terhadap pokok Sembelit Darah menunjukkan tumbuhan ini memiliki nilai anti diabetik apabila lulus ujian tiga karakter teknologi pelantar ‘bio assay’ yang dibina untuk mengenal pasti bahan anti diabetik.

“Manakala satu sampel iaitu pokok Kemonyang hanya melepas dua karakter.

“Keputusan makmal menunjukkan pokok Sembelit Darah tidak mendorong pengumpulan lipid dalam darah. Sekiranya lipid berkumpul, ia akan ditukarkan menjadi lemak yang menyebabkan obesiti.

“Kedua, ekstrak pokok ini berupaya memproses glukos (gula) dalam tubuh





DAUN pokok Sembelit Darah.



'B Dato Sri Dr. Idris Jafar, Minister of Natural Resource Development, and Dr. Megat Sany, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pulau Banding, Datuk Dr Abdul Rashid Ab Malik (kanan) menyampaikan penghargaan kepada Dr Megat Sany.'



HIDUP di tanah namun melata pada pokok lain.

### INFO

#### Hutan Royal Belum

- Dinaungi Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk)
- Berusia lebih kurang 130 juta tahun
- Lebih tua daripada Hutan Hujan Tropika Amazon, Brazil
- Memiliki lebih kurang 150,000 spesies invertebrata
- 15,000 spesies tumbuhan berbunga
- 3,000 spesies orkid
- 742 spesies burung
- 2,000 spesies paku pakis

BERSAMUNG

DI SEBELAH

239

ke tahap normal.

"Manakala ketiga, ia boleh mengikat reseptor dalam badan sekali gus menurunkan paras gula," katanya.

Diabetes mellitus jenis 2 terjadi apabila insulin, sejenis hormon dihasilkan dalam pankreas berfungsi memindahkan gula dari saluran darah ke dalam sel untuk ditukarkan menjadi tenaga, tidak mencukupi dalam tubuh manusia.

Kegagalan sel dalam badan bertindak balas terhadap rintangan insulin turut menjadi faktor penyumbang kepada penyakit ini.

Bertanggungjawab mencari alternatif perubatan anti diabetik, Mohd Ilham berkata kebanyakannya ubatan di pasaran meninggalkan kesan sampingan terhadap pesakit terutama obesiti.

Hasil ujian terhadap pokok Sembelit Darah membuktikan kesan sampingan seperti obesiti dapat dikurangkan.

Ingin berkongsikan manfaat pokok Sembelit Darah, Mohd Ilham didatangkan dengan kertas kerja bersama Yayasan Pulau Banding untuk merealisasikan projek AuRins Pulau Banding Foundation Anti Diabetic Initiative (ABADI).

"Saya mencadangkan projek ABADI untuk menanam pokok Sembelit Darah secara domestik atau peladangan.

"Ini kerana ia sejenis pokok hutan yang lambat tumbuh, jadi demi mengelakkan kekurangan sumber, ia perlu ditanam di luar hutan.

"Hasil mentah pokok Sembelit Darah boleh diproses dan ekstraknya dijadikan ubatan sama ada bentuk kapsul untuk mengubati penyakit kencing manis," jelasnya.

Mohd Ilham antara 33 kumpulan saintis yang membentangkan kertas kerja sempena Simposium Ekspedisi Saintifik Royal Belum ke-4 anjuran Yayasan Pulau Banding di Belum Rainforest Resort, Pulau Banding, Gerik, Perak pada 22 hingga 25 Mei lalu.

Tersenarai antara 12 negara memiliki kepelbagaian biologi melalui keunikan flora dan fauna, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyifatkan usaha ekspedisi saintifik ini berupaya membantu kementerian mengenal pasti dan membangunkan data biodiversiti lengkap.


"Usaha ini turut membuktikan

komitmen Malaysia dalam memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan dan pengekalan sumber genetik selaras dengan kehendak Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD).

"Meskipun wujudnya isu konservasi biodiversiti dan pembangunan, keseimbangan antara kedua-duanya amat diperlukan.

"Tambahan pula, kita menyatakan komitmen bahawa 50 peratus daripada keluasan tanah negara dikekalkan sebagai kawasan berhutan dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro, Brazil pada 1992," katanya dalam ucapan perasmian dibacakan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan kementerian, Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian.





HUTAN berusia lebih 130 juta tahun.



MOHD Ilham

# **UiTM@Media 2016**

## • **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said  
Naib Canselor

## • **Ketua Projek**

Alfina Bakar

## • **Pengurus Produksi**

Darus Kasim  
Rosly Mahmud

## • **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan  
Hanisah Yacob  
Datin Umminajah Salleh

## • **Pembantu**

### **Penyelaras Bahan Akhbar**

Hazizi Jantan  
Nor Azlina Nordin  
Samsinah Selamat  
Raja Nazrul Raja Hisham

## • **Perekat Grafik Utama**

Junaidy Talib

## • **Perekat Grafik**

Rosdi Abdul Hamid  
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

## • **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,  
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,  
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

